

19 JAN 1998

Kelantan-sepakat

KERAJAAN KELANTAN DAN PUSAT SEPAKAT MAJUKAN PROJEK TERGENDALA

KOTA BAHARU, 19 Jan (Bernama) -- Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Kelantan hari ini mengetepikan perbezaan ideologi politik dengan mencapai kata sepakat untuk meneruskan projek pembangunan yang tergendala sejak Pas memerintah negeri itu pada 1990.

Persetujuan yang membabitkan 13 projek itu dicapai pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Bersama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di sini, yang ditubuhkan selepas mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Exco Kerajaan Negeri bulan ini.

Jawatankuasa itu dipengerusikan bersama oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa mewakili kerajaan pusat dan Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman bagi pihak kerajaan Kelantan.

"Kita berpendapat hubungan baik dan kerjasama erat perlu antara peringkat pusat dan negeri bagi membolehkan program rakyat dilaksanakan secara lebih berkesan," kata Annuar pada persidangan berita di sini di akhir mesyuarat itu.

Antara isu utama yang dibincang dan diselesaikan hari ini ialah hak milik tanah yang dimajukan oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) yang menimbulkan perbalahan dan perebutan kuasa dengan kerajaan negeri hingga menyebabkan kes itu dibawa ke mahkamah.

"Kita akan memohon kepada mahkamah untuk menengguhkan atau tidak meneruskan tuntutan itu dalam usaha menyelesaikan isu tanah di Kesedar," katanya.

Annuar berkata kerajaan negeri turut bersetuju untuk memberi empat daripada 10 blok tanah yang bermasalah kepada Kesedar manakala enam lagi yang masih menghadapi masalah teknikal dijangka diatasi dalam tempoh empat bulan lagi.

Beliau berkata jawatankuasa itu juga bersetuju supaya lebih banyak projek perumahan dimajukan di kawasan Gua Musang, terutamanya oleh Kesedar dengan langkah awal memberikan hak milik kepada pembeli rumah itu.

Mengenai program Ladang Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Annuar berkata pelaksanaannya selepas ini akan turut melibatkan Felda, Felcra dan Kesedar.

Jawatankuasa juga bersetuju selain diwujudkan beberapa penempatan baru bagi golongan miskin, agensi terbabit harus memberi keutamaan kepada peserta PPRT untuk memiliki saham di tanah-tanah atau ladang-ladang yang telah dimajukannya.

"Sasaran permulaan ialah 3,000 daripada 12,000 rakyat termiskin di Kelantan akan cuba dibangunkan oleh tiga agensi itu dimana sebanyak 1,500 orang oleh Felda, Kesedar (1,000 orang) dan bakinya oleh Felcra," katanya.

Katanya, berhubung "episod merebut bangunan" iaitu bangunan yang dibina oleh kerajaan pusat seperti dewan orang ramai dan pasar di Kelantan, ia akan diserahkan kepada majlis daerah untuk menyelenggarakannya.

Annuar berkata kedua-dua pihak turut bersetuju memajukan tanah tinggi Lojing dekat Gua Musang secara bersama membabitkan agensi-agensi kerajaan supaya projek-projek pertanian secara komersil dapat dilaksanakan.

Katanya, jawatankuasa itu juga akan berusaha meningkatkan pembangunan di Kelantan melalui pertumbuhan segi tiga Indonesia Malaysia dan Thailand (IMT-GT).

Abdul Halim pula berkata, keputusan yang dicapai dalam mesyuarat jawatankuasa itu akan dibawa kepada mesyuarat Exco Kerajaan Negeri bagi diluluskan untuk faedah penduduk Kelantan.

"Kerjasama seperti ini sangat berguna untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk rakyat di negeri ini yang kebanyakannya tinggal di luar bandar," katanya. --BERNAMA

BD MAI